





**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Peminaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

Bil	Pejabat yang Memanggil Tawaran	No. Tender & Tajuk Projek	Taraf / Syarat Pendaftaran	Tempat, Tarikh dan Waktu Taklimat & Lawatan Tapak	Tempat & Tarikh Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Ditutup
1.	Bahagian Pembangunan Keselamatan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri	MKN/JPM/T05/2021 KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARA AN TEMBOK PAGAR DI SEMPADAN MALAYSIA- THAILAND (PERLIS) UNTUK MAJLIS KESELAMATAN NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (2022-2023)	Taraf Bumiputera T1 Berdaftar dengan : - Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB dalam Gred G4 Kategori : CE Pengkhususan : CE 21 dan CE32 Serta mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Atau Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB dan UPKJ dalam : Kelas Pendaftaran : BX Kepala /Sub Kepala: I/1 Atau Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB dan PUKONSA dalam : Kelas Pendaftaran : C Kepala/Sub Kepala : I	PERINGKAT I Kontraktor berminat perlu mengemukakan dokumen dokumentasi/sijil* berkaitan ke MKN pada (*Rujuk bilangan 3) <u>5 Oktober 2021</u> (Selasa) Sebelum jam 4.00 petang <u>Tempat serah dokumen</u> Bahagian Pembangunan Keselamatan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok D5 Kompleks D, 62502 Putrajaya	21 Oktober 2021 (Khamis) Sehingga 29 Oktober 2021 (Jumaat)	RM100.00 Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Malaysia 	12 November 2021 (Jumaat) Peti Tender, Bahagian Pembangunan Keselamatan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok D5 Kompleks D, 62502 Putrajaya
				PERINGKAT II Taklimat Tender akan diadakan secara maya. (*Rujukan bilangan 4) Taklimat secara maya: 7 Oktober 2021 (Khamis) 10.00pg PERINGKAT III Lawatan Tapak akan diadakan seperti berikut: 12 Oktober 2021 (Selasa) <u>Tempat</u> Bilik Kawalan Border Surveillance System (BSS), 02100 Padang Besar, Perlis Masa : 10.00 Pagi			Sebelum atau pada jam 12.00 Tengahari  MOHD SABRI @ MOHD FARDHIR BIN HUSIN KETUA PENOLONG PENGARAH (AWAM) Bahagian Pembangunan Keselamatan Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri

2. Kontraktor / Syarikat **TIDAK DIBENARKAN** mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB dan Surat Kebenaran Khas Menyertai Tender bagi Gred yang lebih tinggi / rendah adalah **TIDAK DITERIMA**.

3. Kaunter pendaftaran untuk penyerahan dokumen pada 5 Oktober 2021 akan dibuka pada jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Semua kontraktor berminat perlu menyerahkan dokumen dan membuat pengesahan kehadiran. Kontraktor yang gagal menyerahkan dokumen dan mengesahkan kehadiran pada tarikh dan masa tersebut tidak dibenarkan menyertai taklimat tender. Hanya kontraktor yang lengkap 2 Dos Vaksin Covid 19 sahaja yang dibenarkan mengemukakan dokumen kepada pihak MKN.

*Kontraktor perlu menyerahkan Sijil-sijil ASAL dan SALINAN (tidak akan dikembalikan), Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera. Kontraktor yang hadir perlu mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa sekiranya Pengarah Syarikat tidak dapat hadir sendiri mengemukakan sijil-sijil berkenaan. ** Hanya kontraktor yang memenuhi syarat dan melepasi tapisan sahaja akan diberi sesawang pautan/ link pada 6 Oktober 2021 melalui emel.

4. Taklimat tender akan diadakan pada 7 Oktober 2021 secara maya dan pautan akan diberikan. Hanya pengarah syarikat yang sah dan dinamakan di dalam sijil sahaja dibenarkan menghadiri taklimat tender ini. (Setiap syarikat hanya perlu diwakili seorang wakil)

5. Lawatan tapak adalah diwajibkan. Hanya pengarah syarikat yang sah dan dinamakan dalam sijil sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Bagi maksud ini pihak kontraktor dikehendaki melakukan ujian saringan swab test covid 19 tiga hari sebelum lawatan tapak dan perlu mengemukakan bukti ujian saringan di kaunter pendaftaran. Hanya kontraktor yang lulus ujian saringan sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak.

6. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang hadir ke taklimat & lawatan tapak sahaja. Bagi maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Peminaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang diluluskan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor Usahawan (BPKU). Satu salinan bagi setiap sijil perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran untuk simpanan. (Tidak dikembalikan).

7. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk WANG POS ATAU BANK DERAJ di atas nama **Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Malaysia**. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.

8. Dokumen meja tender disediakan untuk semakan di Bahagian Pembangunan Keselamatan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok D5, Kompleks D, 62502 Putrajaya.

9. Dokumen tender yang telah sempurna dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berfaktri, dengan nombor tender dan tajuk tender dituliskan dikirinya dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut:-

PETI TENDER
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESELAMATAN
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 3, BLOK D5
KOMPLEKS D
62502 PUTRAJAYA

10. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Bahagian Pembangunan Keselamatan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri di talian 03-8886 6210/6064 atau melalui emel: abd.razak@mkn.gov.my dan mazizul@mkn.gov.my.